

Benteng roboh dedah banjir

Pemilik ladang sawit, pisang kerugian akibat limpahan air sungai

>>Oleh Abu Bakar Al Sidek
am@hmetro.com.my

TELUK INTAN: Seluas 161 hektar kawasan pertanian di Kampung Baru Batu 9, Changkat Jong, di sini, terdedah kepada ancaman banjir apabila benteng pencegah banjir yang dibina di Sungai Mati berhampiran kampung itu roboh sejak setahun lalu.

Benteng sepanjang lapan kilometer dibina Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Hilir Perak sejak 10 tahun lalu, kini terjejas teruk akibat hakisan selain strukturnya yang tidak kukuh kerana hanya ditambak dengan tanah tanpa konkrit.

Pemilik tanaman sawit, Solohin Mat Jasa, 47, berkata, tanaman kelapa sawit seluas 0.8 hektar yang diusahakan kini mengalami kerugian antara RM500 hingga RM1,500 berikutan tidak dapat mengait sawit ekoran dinaiki banjir hingga 0.4 meter.

"Saya terpaksa membiarkan buah sawit gugur sendiri kerana lewat dipetik," katanya.

Menurutnya, dia mengesan empat kawasan yang paling teruk terjejas di sepanjang benteng berkenaan yang mana air mudah melimpah masuk ke kawasan pertanian.

Solohin berkata, dia bersama penduduk kampung lain turut berdepan banjir kilat setiap kali hujan lebat sehingga air melimpah masuk ke dalam rumah dan



PECAH...Ahmad Baharom menunjukkan benteng tanah yang pecah akibat hakisan Sungai Mati.

menenggelamkan kawasan pertanian.

"Tahun ini saja sudah dua kali banjir melanda kawasan rendah dan hanya surut dua minggu kemudian.

"Saya harap JPS segera memantau dan memperbaiki benteng yang pecah itu kerana bimbang banjir lebih buruk melanda terutama pada musim tengkujuh," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Baru Batu 9, Changkat Jong, Ahmad Baharom, 59, berkata, kejadian banjir menyebabkan pemilik sawit dan penanam pisang menga-

lami kerugian kerana tidak dapat mengambil sawit sementara pokok pisang pula mati kerana terlalu lama terendam dalam banjir.

"Pihak JKKK sudah menghantar memorandum kepada JPS baru-baru ini untuk meminta segera memperbaiki benteng yang pecah itu.

"Tetapi, JPS memberi alasan tidak ada peruntukan untuk melakukan kerja baik pulih itu," katanya.

Katanya, pihaknya menganggarkan kos baik pulih benteng itu menelan belanja sekitar RM50,000.

Ahmad berkata, kejadian benteng pecah di kawasan

itu bukan kali pertama berlaku sebaliknya sepanjang 10 tahun lalu, tiga kali benteng itu dinaik taraf dengan ditambak dengan tanah namun tidak dapat bertahan lama.

Katanya, masalah itu berlaku disebabkan tekanan air sungai yang deras terutama selepas hujan lebat menyebabkan benteng itu mudah roboh.

"Ramai penduduk kini mengeluh kerana mereka mengalami kerugian berikutan tanaman sawit dan pisang mereka terendam dalam air banjir yang lambat surut," katanya.